

01/09/1997

Ribuan rakyat saksikan bendera diarak

KUALA LUMPUR, Ahad - Jalur Gemilang diarak megah dalam perarakan Hari Kebangsaan ke-40 dengan disaksikan beribu-ribu rakyat yang membanjiri Dataran Merdeka sejak awal pagi.

Bendera kebangsaan yang diberi nama barunya semalam, dibawa dalam perarakan utama di Dataran Merdeka di sini, manakala berjuta-juta bendera lagi dikibarkan di bangunan komersil dan kediaman serta jalan raya.

Walaupun jerebu masih menyelubungi ruang udara negara, juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) meneruskan misi lintas hormat dengan lima helikopter Nuri membawa bendera kebangsaan dan bendera Angkatan Tentera Malaysia.

Sambutan peringkat kebangsaan bermula dengan ketibaan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Jaafar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah serta barisan pemimpin negara dan diplomat asing.

Tuanku Jaafar dan Tuanku Najihah tiba di Dataran Merdeka tepat jam 8 pagi disambut tiupan nafiri dan lagu Negaraku.

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Dataran Merdeka memandu kereta Kancil berwarna merah plet Perodua 1001, bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dengan menerima tepukan gemuruh orang ramai.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Selepas pembacaan Rukun Negara, persembahan padang dimulakan dengan lebih 1,000 pelajar sekolah rendah dan menengah, mempamerkan pelbagai bentuk menarik termasuk logo hari kebangsaan dan Menara Kuala Lumpur menggunakan warna bendera - biru, merah dan kuning.

Ia disusuli upacara lintas hormat oleh 57 kontinjen berjalan kaki dan 38 pancaragam beruniform, disertai lebih 10,000 peserta.

Perbarisan itu tidak kurang menariknya dengan setiap kontinjen menyerlahkan kreativiti masing-masing dengan pakaian seragam menarik.

Antara konsep pakaian yang popular tahun ini ialah menggunakan warna Jalur Gemilang digabungkan dengan warna perak, emas dan hijau metalik sebagai pakaian Melayu lengkap dengan tengkolok.

Kontinjen Malaysia Airports Berhad (MAB) memaparkan satu kelainan apabila memperagakan pakaian futuristik ala robot lengkap dengan topi keledar, membayangkan kecanggihan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang beroperasi tahun depan.

(END)